

29/05/1997

Jentera pilihan raya BN usah leka

ADA kewajaran dan asas kukuh apabila Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan jentera pilihan raya kecil Parlimen Kuala Selangor dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang agar menjadikan kekalahan Barisan Nasional (BN) di Teluk Intan baru-baru ini sebagai pengajaran.

Peringatan Pemangku Perdana Menteri itu membayangkan kebimbangan beliau terhadap sikap sambil lewa, selesa, leka dan alpa orang Umno dan anggota parti BN ketika menghadapi pilihan raya kecil. Rekod kemenangan calon BN dalam pilihan raya kecil memang cemerlang, walau dari parti komponen mana pun calonnya. Barangkali kerana dibuai rasa terlalu yakin inilah persiapan dan kempen tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh, menyebabkan parti lawan boleh bertapak semula di Teluk Intan.

Kita percaya kemenangan DAP di Teluk Intan bukan kerana calon BN di situ lemah. Ia juga bukan kerana DAP cukup berpengaruh di kawasan itu. DAP merampas kawasan itu semata-mata kerana jentera pilihan rayanya bekerja lebih kuat sedangkan kempen pilihan raya BN tidak bersungguh-sungguh.

Yang jelas, senario politik tanah air bukan seperti kira-kira 15 atau 20 tahun lalu. Asas kekuatan dan kejayaan Kerajaan BN bertunjangan kerjasama serta usaha sepadu yang berprinsipkan kerja keras dan sikap positif. Mengharapkan sokongan pengundi tanpa kempen yang gigih dan usaha keras tentulah merugikan.

Sikap sambil lewa dan selesa seperti kata Timbalan Presiden Umno, bukan sahaja perlu dikikis oleh jentera parti BN tetapi juga pengundi. Sikap tidak peduli yang diamalkan oleh pengundi apabila tidak keluar mengundi pada hari pemilihan tentulah membawa akibat. Oleh itu, jentera pilihan raya kecil BN Parlimen Kuala Selangor dan DUN Permatang perlu bekerja keras untuk memastikan pengundi tetap menyokong calon BN.

Lebih penting, mereka perlu memastikan pengundi di kawasan berkenaan keluar mengundi. Itulah komitmen yang ingin disampaikan oleh Anwar dan dalam hubungan ini, jentera pilihan raya kecil BN kawasan Parlimen Kuala Selangor dan DUN Permatang tiada pilihan selain memastikan semua pihak bersatu tenaga dan bekerja lebih gigih.

Memastikan kemenangan dalam pilihan raya kecil itu adalah satu bertanggungjawab. Untuk memastikan semua itu terhasil, mereka perlu melupakan segala pergeseran peribadi, soal keturunan dan isu remeh-temeh. Ini bukan masa dan tempat mendedahkan pekong serta melepaskan dendam. Kepentingan peribadi dan individu tidak boleh mengatasi matlamat parti.

Pilihan raya kecil Kuala Selangor amat penting bagi BN. Ia akan menentukan kejayaan memilih seorang tokoh yang akan memimpin kerajaan Selangor. Oleh itu, jentera BN Kuala Selangor perlu melipatgandakan usaha bagi menjamin kemenangan calon BN.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri amat prihatin dan memberi tumpuan terhadap pilihan raya kecil Kuala Selangor. Ini dibuktikan apabila beliau menelefon Timbalannya bagi mendapatkan maklumat terbaru mengenai pilihan raya itu walaupun sedang bercuti di luar negara.

Perhatian yang ditunjukkan oleh Dr Mahathir bukan semata-mata kerana beliau menduduki kerusi tertinggi parti dan kerajaan tetapi atas rasa tanggungjawab dan kewajipan sebagai ahli Umno memberi komitmen dan sokongan padu dalam apa juga bentuk perjuangan parti, apa lagi pada saat menentukan kejayaan calon BN dalam sesuatu pilihan raya.

Ini harus dijadikan teladan oleh ahli Umno dan anggota parti BN. Ia juga harus menjadi sandaran dan pegangan jentera kempen pilihan raya serta

pengundi yang sayangkan parti. Jika pucuk pimpinan parti dan rakan dari kawasan lain memberi komitmen cukup tinggi, anak tempatan harus lebih bertanggungjawab dalam membawa kemenangan calon BN yang bakal dilantik menjadi Menteri Besar Selangor.

Kita berharap jentera pilihan raya BN Kuala Selangor berazam untuk mengekalkan majoriti yang dimenangi BN dalam pilihan raya umum 1995. Ini kerana majoriti yang diharapkan kali ini bukan sekadar menunjukkan sokongan rakyat, malah ia turut menjadi kebanggaan kerana pemimpin dari kawasan itu akan meneruskan agenda membela nasib penduduk di Kuala Selangor dan menyelesaikan banyak lagi masalah tempatan.

Pandangan negatif tidak harus ditimbulkan dalam jentera pilihan raya dan semua pihak harus bersatu dalam kerja kempen. Berasaskan pengalaman BN dalam menghadapi pilihan raya kecil, adalah tidak wajar calon BN boleh ditewaskan dari luar.

(END)